



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**  
**ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN**  
**PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2**  
**62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA**  
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526



LAMAN WEB: [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)

**PENGARANG, MEJA BERITA**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

## **KENYATAAN MEDIA**

### **MAKLUMAN DAPATAN SIASATAN SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC) KE ATAS ADUAN TERHADAP AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (APMM) DAN JABATAN PERIKANAN MALAYSIA BERKAITAN KEJADIAN PENCEROBOHAN BOT-BOT PUKAT KENKA DI TANJUNG PIANDANG, KUALA KURAU, PERAK**

Putrajaya 29 Februari 2016 - Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan atau *Enforcement Agency Integrity Commission* (EAIC) ingin mengumumkan kepada orang ramai mengenai laporan siasatannya ke atas aduan berkenaan kelemahan penguatkuasaan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Perikanan Malaysia terhadap kejadian pencerobohan bot pukat kenka dua bot di Pantai Tanjung Piandang, Kuala Kurau, Perak.

Dalam hal ini, EAIC telah mengambil tindakan berikut:

1. Mengambil keterangan 15 orang saksi yang terdiri daripada 7 orang nelayan pesisir pantai Tanjung Piandang, Kuala Kurau, Perak, 4 orang pegawai Jabatan Perikanan Malaysia, 2 orang pegawai APMM, seorang pegawai Majlis Keselamatan Negara Daerah Kerian dan seorang Penghulu Mukim Kuala Kurau;
2. Mengambil dan meneliti serta menganalisa dokumen-dokumen berkaitan siasatan termasuk senarai aduan-aduan yang diterima oleh APMM Kuala Kurau, Perak berkaitan kejadian pencerobohan bot pukat kenka dua bot dari tahun 2012-2014, minit mesyuarat agensi-agensi berkaitan kejadian pencerobohan, ketetapan dasar Jabatan Perikanan dan maklumat-maklumat berkaitan bot pukat



kenka dua bot, statistik bot pukat kenka berdaftar – Daerah Kerian, aduan/tangkapan oleh Jabatan Perikanan Pulau Pinang, carta aliran tugas APMM, keratan-keratan akhbar yang melaporkan tentang isu-isu pencerobohan, statistik tangkapan APMM dan Jabatan Perikanan Daerah Kerian serta Polis Marin bagi tahun 2012-2015 dan senarai pindah milik lesen pukat kenka dua bot dari tahun 2013-2015; dan

3. Mengadakan lawatan dan pemeriksaan tempat lokasi kejadian yang diadakan, iaitu di kawasan tangkapan ikan di kawasan persekitaran persisiran pantai Kuala Kurau hingga ke sempadan Pulau Pinang.

Berdasarkan keterangan-keterangan yang diperolehi dan analisa yang dijalankan ke atas keterangan-keterangan tersebut, EAIC membuat dapatan (*findings*) dan mengenalpasti bahawa aduan-aduan oleh nelayan-nelayan pantai dan Persatuan Nelayan Pantai di Kuala Kurau, Perak yang dibawa kepada EAIC mempunyai asas bahawa terdapat kelemahan dan kelonggaran penguatkuasaan undang-undang Akta Perikanan 1985 oleh APMM, Jabatan Perikanan Malaysia dan Polis Marin dalam membasmi pencerobohan oleh bot-bot kenka dua bot yang telah secara berterusan melakukan pencerobohan apabila melakukan tangkapan ikan dalam kawasan lima (5) nautika batu dari persisiran pantai secara yang melanggar lesen tangkapan yang hanya membenarkan bot-bot kenka dua bot melakukan operasi tangkapan ikan di kawasan di luar daripada lima (5) nautika batu daripada persisiran pantai tersebut. Kejadian pencerobohan oleh bot-bot kenka dua bot tersebut telah mengakibatkan kekurangan hasil tangkapan dan pendapatan dialami oleh nelayan pantai termasuk telah menjejaskan keadaan eko-sistem hidupan laut di kawasan tersebut.



Faktor-faktor berikut telah dikenalpasti oleh EAIC yang telah menjadi punca kelemahan dan ketiadaan penguatkuasaan yang berkesan oleh agensi-agensi penguatkuasaan tersebut:

### **1. Ketidaksesuaian Lokasi Pengkalan APMM dan Jabatan Perikanan**

Kedudukan Pengkalan APMM dan Jabatan Perikanan di Kuala Kurau, Perak yang terletak jauh di dalam dari kawasan muara laut di Kuala Kurau telah menjadikannya tidak sesuai kerana setiap pergerakan bot pemantau APMM dan Jabatan Perikanan ke kawasan lokasi aduan atau bagi tujuan rondaan di kawasan lokasi akan mengambil masa untuk sampai di lokasi yang diadakan disamping pergerakan keluar bot-bot APMM dan Jabatan Perikanan juga dengan mudah dilihat atau dihidu oleh “tonto” yang diupah oleh pengusaha bot-bot kenka bagi mendapatkan maklumat awal aktiviti agensi penguatkuasaan. EAIC mengambil maklum terdapatnya usaha yang sedang diambil oleh APMM untuk mendapatkan pengkalan baru yang lebih strategik bagi tujuan pemantauan yang lebih berkesan dapat dilakukan.

### **2. Faktor Topografi Perairan Laut dan Muara Sungai**

Struktur topografi perairan laut yang berombak, serta muara sungai yang mempunyai banyak pemasangan sangkar-sangkar ikan ternakan telah menghalang atau memperlambatkan pergerakan bot-bot pemantau APMM dan Jabatan Perikanan dari dapat sampai ke lokasi aduan dengan kadar segera dan kelewatan tersebut telah membolehkan bot-bot kenka dua bot yang melakukan pencerobohan menangkap ikan telah sempat meloloskan diri atau mengubah operasi ke kawasan di luar daripada lima batu nautika.



### **3. Kebocoran Maklumat**

Berlaku kebocoran maklumat berkenaan pergerakan bot peronda APMM dan Jabatan Perikanan ke lokasi pencerobohan melalui “tonto-tonto” yang beroperasi di kawasan pantai tersebut kepada penguasaha bot-bot kenka dua bot menyebabkan pencerobohan tidak dapat diambil tindakan penguatkuasaan. Disamping itu terdapat kejadian di mana identiti pengadu yang membuat pengaduan atau laporan tentang kejadian pencerobohan bot-bot kenka telah dibocorkan oleh pihak-pihak tertentu kepada penguasa bot-bot kenka yang akibatnya boleh mendatangkan ancaman keselamatan diri atau harta ke atas pengadu atau nelayan-nelayan pantai yang berkenaan.

### **4. Peruntukan dan Logistik**

Terdapat keperluan yang mendesak untuk aset-aset APMM dan Jabatan Perikanan seperti bot-bot peronda dan kelengkapan pemantauan, dipertingkatkan tahap keupayaan beroperasi termasuk sebilangan bot-bot peronda yang perlu diperbaiki atau digantikan baru akibat telah menjadi usang atau mengalami kerosakan yang tidak lagi ekonomi untuk dibuat pemuliharaan.

### **5. Operasi Pemantauan APMM Pengkalan Kuala Kurau tidak berterusan**

Didapati operasi pemantauan APMM Pengkalan Kuala Kurau tidak dijalankan secara berterusan atau tidak konsisten. Ketiadaan penguatkuasaan yang konsisten dan kurang berkesan tersebut telah menyebabkan pengusaha bot-bot kenka dua bot mengambil kesempatan untuk beroperasi menangkap ikan di kawasan yang tidak dibenarkan untuk mereka berbuat demikian.



## **6. Ketiadaan pendakwaan dan pembatalan lesen**

Statistik yang terdapat melihatkan Jabatan Perikanan hanya mengenakan kompaun kepada pengusaha-pengusaha bot-bot kenka terhadap kesalahan-kesalahan pencerobohan atau pelanggaran syarat lesen yang dibuat tindakan penguatkuasaan oleh APMM dan Jabatan Perikanan. Tidak terdapat sebarang tindakan menggantung lesen atau membatalkan lesen bot-bot kenka yang telah melakukan kesalahan berulang kali. Ketiadaan tindakan yang tegas itu telah menyebabkan pengusaha bot-bot kenka tidak terkesan dengan tindakan kerana hasil daripada tangkapan ikan di kawasan yang diceroboh adalah lebih tinggi nilainya.

### **SYOR DAN PERAKUAN OLEH EAIC**

Sehubungan dengan dapatan-dapatan siasatan tersebut, EAIC membuat syor dan perakuan berikut bagi diambil tindakan oleh APMM, Jabatan Perikanan Malaysia dan Polis Marin PDRM:

#### **Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)**

- (a) APMM perlu mewujudkan pusat pemantauan di kawasan Kuala Sungai Burung iaitu kawasan yang lebih sesuai untuk membuat pemantauan yang meliputi 5 batu nautika ke kanan, ke kiri dan ke hadapan supaya penguatkuasaan dan pencegahan pencerobohan bot-bot kenka dapat dibuat dengan lebih berkesan.
- (b) Penambahan anggota penguatkuasa serta pos kawalan, termasuk penambahan peruntukan dan aset serta peralatan yang mencukupi bagi membuat rondaan dengan lebih kerap;



- (c) APMM perlu melakukan pemantauan secara mengejut selain dari pemantauan berjadual bagi mengelak pergerakan disedari atau dihidu oleh tonto.
- (d) Mesyuarat APMM dan Jabatan Perikanan yang dihadiri oleh Polis Marin di peringkat tertinggi dan peringkat negeri/daerah perlu membincangkan isu masyarakat nelayan seperti pencerobohan pukut kenka yang dibawa oleh Penghulu atau Jawatan Kuasa Kemajuan Kampung (JKKK) atau aduan oleh para nelayan pantai. Mesyuarat dicadangkan agar diketuai oleh Jabatan Perikanan sebagai agensi pengeluar lesen bot-bot kenka;
- (e) Mengkaji semula kesesuaian lokasi Pengkalan APMM Kuala Kurau bagi ditempatkan di kawasan yang lebih sesuai iaitu di kawasan tepi pantai atau Muara Sungai Kurau atau Sungai Burung kerana lokasi tersebut lebih strategik iaitu kedudukan di tengah-tengah antara Kuala Kurau dan Tanjung Piandang berbanding dengan lokasi sedia ada;
- (f) Jabatan Perikanan dijadikan sebagai agensi peneraju penguatkuasaan bagi kawasan persisiran pantai dan dibantu oleh APMM dan Polis Marin serta wakil nelayan pantai untuk memantau aktiviti penguatkuasaan Akta Perikanan 1985; dan
- (g) Mengemaskini semula SOP Operasi dan tatacara terlibat dalam pengendalian aduan supaya maklumat atau identiti pemberi maklumat tidak dibocorkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab yang berniat membantu secara salah aktiviti bot-bot kenka daripada menghadapi tindakan penguatkuasaan.



## **Jabatan Perikanan Malaysia**

- (a) Jabatan Perikanan menghapuskan lesen pukot kenka dan lesen yang ada sekarang tidak disambung apabila tamat tempoh. Di dalam perkara ini cadangan Jabatan Perikanan untuk mula memberhentikan proses membaharui lesen-lesen bot kenka mulai tahun 2017 dan seterusnya menamatkan operasi bot-bot kenka mulai tahun 2020 adalah satu langkah yang baik yang wajar diteruskan;
- (b) Meminda peruntukan di bawah Akta Perikanan untuk mengenakan hukuman, kompaun atau denda yang lebih berat ke atas pelanggaran syarat lesen bot penangkapan atau peralatan penangkapan ikan;
- (c) Tindakan tegas diambil seperti penggantungan atau pembatalan lesen bagi kesalahan ketiga yang dilakukan oleh pemegang lesen bot kenka yang melakukan kesalahan yang berulang;
- (d) Mengkaji semula polisi yang membenarkan pemindahan lesen bot-bot kenka kepada ahli keluarga dan lesen tidak lagi diperbaharui atau diberi pindah milik sebaik pemegang lesen meninggal dunia;
- (e) Lesen bot-bot kenka ditamatkan sekiranya pemilik tidak lagi aktif dalam aktiviti penangkapan ikan menggunakan bot pukot kenka dua bot;
- (f) Menubuhkan pasukan bersepadu yang diketuai oleh Jabatan Perikanan dan dibantu oleh APMM, Polis Marin dan wakil nelayan pantai untuk menjalankan aktiviti penguatkuasaan dengan lebih berkesan dan menyeluruh;





- (g) Menjalankan penguatkuasaan dengan lebih rapi/ketat serta tegas melalui rondaan pemantauan berkala yang lebih kerap khususnya melalui kerjasama oleh 3 agensi secara bersama iaitu Polis Marin, APMM dan Jabatan Perikanan dan Jabatan Perikanan menjadi “*lead agency*”;
- (h) Penambahbaikan infrastruktur di mana Pengkalan/Pejabat Perikanan Daerah Kerian ditempatkan di kawasan yang lebih sesuai iaitu di kawasan tepi pantai atau Muara Sungai Kurau atau Sungai Burung kerana lokasi yang lebih strategik iaitu kedudukan di tengah-tengah antara Kuala Kurau dan Tanjung Piandang;
- (i) Memperkasakan kuasa dan keupayaan dari segi logistik dan keanggotaan kepada Jabatan Perikanan untuk menguatkuasakan Akta Perikanan khususnya di bawah kawasan kurang daripada 8 batu nautika bagi pantai sebelah barat Semenanjung dan 12 batu nautika diukur dari pantai bagi kawasan sebelah pantai timur Semenanjung;
- (j) Jabatan Perikanan melakukan operasi mengejut selain dari rondaan berjadual bagi mengelak pergerakan disedari atau dihidu oleh tonto; dan
- (k) Mesyuarat APMM dan Jabatan Perikanan yang dihadiri oleh Polis Marin di peringkat tertinggi dan peringkat negeri/daerah perlu membincangkan isu masyarakat nelayan seperti pencerobohan pukat kenka yang dibawa oleh Penghulu atau JKKK atau aduan oleh para nelayan pantai. Adalah dicadangkan supaya mesyuarat sedemikian diterajui oleh Jabatan Perikanan sebagai agensi yang melesenkan bot-bot kenka.





## **Polis Marin**

- (a) Menganggotai Pasukan Bersepadu yang diketuai oleh Jabatan Perikanan dan dibantu oleh APMM, Polis Marin dan wakil nelayan pantai untuk memantau aktiviti penguatkuasaan;
- (b) Menghadiri mesyuarat bersama APMM dan Jabatan Perikanan di peringkat tertinggi dan peringkat negeri/daerah yang membincangkan isu masyarakat nelayan seperti pencerobohan bot-bot kenka; dan
- (c) Menjalankan penguatkuasaan dengan lebih rapi/ketat dan tegas dengan mengadakan rondaan pemantauan berkala yang lebih kerap khususnya melalui kerjasama oleh 3 agensi secara bersama atau bersepadu iaitu Polis Marin, APMM dan Jabatan Perikanan.

Masalah dan isu pencerobohan bot-bot kenka dua bot di kawasan perairan pantai Tanjung Piandang, Kuala Kurau, Perak telah berlaku sejak tahun 2007 dan berterusan sehingga kini. Ketiadaan tindakan yang pro-aktif dan berkesan oleh agensi penguatkuasaan, terutamanya pihak APMM sebagai agensi peneraju penguatkuasaan telah diambil kesempatan oleh pengusaha bot-bot kenka bagi mencerobohi kawasan tangkapan yang mereka tidak dibenarkan beroperasi. Adalah diharapkan dengan usaha-usaha penambahbaikan yang disyor dan diperakukan oleh EAIC seperti yang dibutirkan di atas, permasalahan dan kesulitan yang terdapat di kawasan persisiran pantai Kuala Kurau, Perak tersebut akan dapat diatasi dengan usaha-usaha yang penuh berintegriti oleh semua pihak terlibat. Matlamat akhir adalah supaya lesen bot-bot kenka tidak lagi wujud atau dihapuskan sama sekali menjelang tahun 2020 nanti.



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**  
**ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN**  
**PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2**  
**62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA**  
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526



LAMAN WEB: [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)

Untuk mendapatkan laporan penuh siasatan ini orang ramai boleh memuat turun melalui laman sesawang EAIC di alamat [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my).

**-TAMAT-**

***“INTEGRITI DIJULANG NEGARA BERMARUAH”***

**t.t.**

**DATUK YAACOB BIN HAJI MD. SAM**

Pengerusi

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)

Bertarikh 29 Februari 2016